



SETIAUSAHA

Secretary

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Education Service Commission

ARAS 3, BLOK B3

KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62526 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8871 7334

03-8871 7333

Faks : 03-8871 7497

Web : <http://www.spp.gov.my>

Ruj. Kami : SPP.100-1/6/1Jld.2(16)
Tarikh : 16 Januari 2020

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

MEMUAT NAIK JADUAL KELIMA (BORANG OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) KE DALAM SISTEM ePROPER

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas. Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan ke atas perkara ini sangat dihargai.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) telah menguatkuasakan penggunaan Sistem ePROPER sepenuhnya bagi urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) mulai 1 Ogos 2018. Bagi maksud Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP), pegawai (di antara lain) perlu membuat pilihan dalam Borang Opsyen bagi skim KWSP sama ada menerima/menolak skim tersebut. Sekiranya pegawai menolak, beliau akan kekal di dalam Skim Pencen.

3. Berikutan itu, SPP dalam setiap sesi taklimat mengenai pelaksanaan Sistem ePROPER telah meminta pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan yang bertindak sebagai Pengguna (Penyedia, Penyemak dan Peraku) sistem ini supaya **Teliti Dan Cermat** dalam memastikan pemilihan opsyen bagi Skim KWSP adalah **seperti mana yang dibuat oleh pegawai**. Seperti dimaklumi, pemilihan opsyen yang dimuat naik tersebut adalah muktamad selaras dengan Perenggan 6(vii), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 tahun 2001 – Tawaran Opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

4. Namun begitu, di sepanjang tahun 2019, Suruhanjaya masih menerima permohonan Ketua Jabatan untuk meminda opsyen Skim KWSP yang telah diluluskan oleh SPP kepada pegawai di bawah seliaan mereka kerana kesilapan yang berlaku semasa memuat naik maklumat demikian secara atas talian. Dalam

hubungan ini, tindakan/kesilapan tersebut boleh dianggap sebagai tidak mematuhi Perenggan 10(v), Pekeliling SPP Bil. 5 tahun 2018 (Pelaksanaan ePROPER) iaitu Ketua Jabatan hendaklah **Memastikan Semua Maklumat** yang dimuat naik ke dalam Sistem ePROPER adalah tepat mengikut dokumen pegawai.

5. Sehubungan dengan itu, **bermula pada 1 Februari 2020, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) DIWAJIBKAN** untuk memuat naik Jadual Kelima (Borang Opsyen bagi Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) ke dalam **Sistem ePROPER** bagi permohonan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP). Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan perlu memanjangkan arahan ini kepada pengguna Sistem ePROPER yang diberi tanggungjawab ini iaitu Penyedia, Penyemak dan Peraku. Semoga dengan tindakan ini, YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan mahupun Suruhanjaya ini dapat mematuhi Perenggan 6(vii), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2001 – Tawaran Opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang menyatakan bahawa opsyen yang telah dibuat oleh seseorang pegawai adalah muktamad.

6. Bagi mengelakkan perkara ini berulang lagi pada masa akan datang, SPP sedang mengkaji keperluan untuk mengenakan tindakan tatatertib terhadap mana-mana Pengguna termasuk Ketua Jabatan yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 4 [Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993] iaitu:

- (2) Seseorang pegawai tidak boleh:
 - (g) tidak bertanggungjawab;
 - (j) cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

8. Surat edaran ini berkuatkuasa mulai 1 Februari 2020.

Sekian, salam hormat.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SUHAIMI BIN JUSOH)

SENARAI EDARAN

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi,
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti,
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)

Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan
Malaysia

Pengarah Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Pengarah Politeknik/ Kolej Komuniti/ Kolej Matrikulasi